

24 NOV 1999

Mahathir-Pembangkang

TIADA NEGARA BERI KEBEBASAN KEPADA PARTI LAWAN SEPERTI DI M'SIA

JOHOR BAHRU, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada negara di dunia yang memberi kebebasan kepada parti lawan seperti yang diberikan kepada parti lawan di negara ini.

"Mereka (parti lawan) bohong sepanjang masa...kita boleh dakwa mereka di mahkamah tetapi kita tidak buat apa-apa kepada mereka walaupun mereka berbohong," kata Perdana Menteri.

"Kita beri kebebasan kepada parti lawan di negara ini," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze, Skudai di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang akan cuba dalam dua atau tiga hari ini melempar lebih banyak fitnah untuk menakutkan rakyat supaya tidak menyokong Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

"Saya diberitahu bahawa mereka akan menyebarkan Surah Yassin yang salah dan mereka akan kata ini adalah keluaran Umno supaya orang marah kepada Umno," katanya.

Katanya mereka akan mengeluarkan bermacam-macam lagi cara untuk menimbulkan kebencian rakyat kepada Umno dan BN.

"Ini akan dibuat oleh mereka...percayalah menjelang empat atau lima hari lagi sebelum kita mengundi, mereka akan mengeluarkan banyak bahan-bahan untuk menakutkan khususnya orang Melayu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak percaya orang Johor akan terpedaya kepada perkara-perkara itu.

"Tapi malangnya, terdapat di sesetengah negeri orang yang begitu fanatik kepada PAS dan taksab kepada pemimpin PAS dan percaya apa sahaja pembbohongan yang dilemparkan oleh pemimpin PAS.

"Kita tidak percaya, malangnya pengikutnya akan percaya. Demikianlah fanatiknya pengikut PAS ini. Mereka bohong hari ini dan kita dapat buktikan apa yang mereka kata itu adalah pembbohongan tetapi esok mereka akan bohong lagi," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh bahawa mereka telah menyebarkan fitnah kononnya beliau tidak dapat menunaikan fardu haji baru-baru ini kerana sakit dan selepas itu meninggal dunia pukul 12 tengah malam.

"Apabila orang tahu saya tidak mati maka dia bohong lagi, tidak henti bohong. Parti apa, parti bohong," kata Dr Mahathir, yang disambut oleh laungan "betul" daripada kira-kira 5,000 orang yang hadir.

Sebab itu, kata beliau, PAS amat mudah sekali berkawan dengan pakar pembbohong yang lain.

-- BERNAMA

MKO AKD